





TUNJUK ARAH PULAU

Penunjuk Arah juga dikenali “mata angin” merupakan panduan yang digunakan untuk menentukan arah. Biasanya penunjuk arah digunakan semasa memandu arah atau mengemudi dan semasa menggunakan kompas dan peta. Terdapat 4 penunjuk arah utama iaitu : Utara, Selatan, Timur dan Barat serta 4 arah pengantara arah-arah ini iaitu Timur Laut, Tenggara, Barat Daya dan Barat Laut.

Ikon Penunjuk Arah yang telah dibina di laluan penghubung antara Kg Tekek dengan Air Batang ini memaparkan maklumat/informasi kedudukan Pulau Tioman sendiri yang terletak diantara Pulau-Pulau dan Pusat Pelancongan lain yang diwakili dengan penunjuk arah berwarna:-

- Utara = Red,
- Selatan = Blue,
- Timur = Yellow,
- Barat = Violet,
- Timur Laut = Orange,
- Tenggara = Green,
- Barat Daya = Indigo dan
- Barat Laut = Pink.



Sekaligus meletakkan Pulau Tioman diantara pulau pelancongan bertaraf dunia dengan kedatangan pelancong dari serata dunia “Jarak Bukan Menjadi Halangan”.

SAUH



Sauh merupakan alat pemberat yang di perbuat daripada logam. Ia digunakan untuk menambat perahu dan juga kapal kecil dan besar supaya tidak dihanyut arus air dan angin.

Sauh dihubungkan dengan rantai yang dibuat dari besi ke kapal dan tali pada kapal kecil dan besar atau perahu.

Sauh ini telah menjadi simbol bagi hampir semua kegiatan yang berkaitan dengan lautan ataupun maritim.

Sauh ini tidak boleh dilabuhkan atau digunakan di kawasan habitat batu karang, ini kerana ia boleh mengakibatkan batu karang tersebut rosak.

Icon sauh ini dapat menarik pelancong dan juga orang tempatan untuk bergambar. Yang menariknya, jika cuaca cerah dan tiada awan kedudukan matahari akan berada dibulatan gelung sauh.

LUMBA- LUMBA

Lumba-lumba atau *dolphin* ialah salah satu mamalia laut yang boleh dijumpai di sekitar perairan Pulau Tioman.

Dolphin adalah mamalia laut yang cerdas, ramah dan pandai bergaul. *Dolphin* berkomunikasi melalui kicauan dan wisel. Mereka juga suka melompat dan melakukan putaran akrobatik di udara.

Salah satu aktiviti yang boleh dilakukan semasa bercuti di Tioman adalah bermain atau merakam video kawanan *dolphin* dengan menaiki bot.

Bertemu *dolphin* adalah salah satu pengalaman yang berharga. Bagi yang tidak berkesempatan bergambar bersama *dolphin* di perairan Tioman, pengunjung boleh mengambil kesempatan bergambar bersama ikon *dolphin* yang berada di salah satu kampung di Tioman iaitu Kg.Tekek.

Ikon *dolphin* ini akan kelihatan hidup sambil melakukan lompatan ketika air pasang besar di Tioman.



SURFING

Sukan luncur air atau lebih dikenali sebagai *surfing* dimana sukan ini melibatkan penunggang ombak yang dikenali sebagai peluncur air atau pun *surfer*. Antara tempat – tempat *surfing* di Pahang yang popular ialah Pantai Cherating dan dan Pantai Juara di Pulau Tioman. Musim monsun adalah waktu terbaik untuk *surfing*. Sukan ini sangat extreme dan memerlukan pengalaman serta teknik yang betul sebelum turun ke laut.



Di Pulau Tioman acara *surfing* ini diadakan di Pantai Juara dan Kelab *Surf* Juara adalah penganjur yang bertanggungjawab menyelaras acara tersebut dengan kerjasama JKK Kg.Juara dan disokong oleh Lembaga Pembangunan Tioman. Acara ini telah dimasukkan dalam kalender acara pelancongan Negeri Pahang untuk menarik lebih ramai *surfer* dalam dan luar negara menyertai acara tersebut serta meningkatkan imej Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan. Pelbagai aktiviti sampingan diadakan seperti permainan tradisional, pertandingan memasak, klinik *surfing* dan juga beberapa aktiviti lain.

BENDERA



Malaysia terdiri daripada tiga belas buah negeri dan tiga buah wilayah persekutuan yang ditadbir di bawah naungan sultan yang dipilih dari Sembilan buah negeri yang mengekalkan kerabat di raja sebagai Yang di-Pertuan Agong.


Tiga Belas buah negeri dengan bendera masing - masing dikibarkan di Dataran Tioman, Pulau Tioman mengapit tiga bendera utama iaitu Bendera Malaysia, Bendera Negeri Pahang dan Bendera Lembaga Pembangunan Tioman. Lembaga Pembangunan Tioman atau lebih dikenali sebagai TDA selaku Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir Pulau Tioman dan dua puluh buah pulau sekitarnya, yang mana pulau - pulau ini terletak di dalam Negeri Pahang yang juga merupakan salah sebuah dari tiga belas negeri yang membentuk Negara Malaysia.

KINCIR ANGIN

Kincir Angin *Wind Mill* adalah sejenis mesin yang dapat menukar kuasa angin kepada tenaga putaran melalui bilah yang dikenali sebagai kincir angin atau kipas.

Pada asalnya kincir angin dibangunkan untuk mengisar bijiran bagi penghasilan makanan akan tetapi kini ia telah telah diperluaskan penggunaannya sebagai Janakuasa Elektrik.

Kincir Angin di Pulau Tioman dapat digunakan sebagai penanda kelajuan angin. Pelancong akan dapat gambar yang menarik jika kincir itu berputar semasa angin bertiup kencang. Kincir Angin ini dapat menjadi ikon pelancongan di Pulau Tioman.



BOOTH TELEFON

Perkataan telefon berasal daripada perkataan bahasa Inggeris, *telephone* yang berasal daripada bahasa Yunani, *tele* = jauh dan *phone* = suara. Kebanyakan telefon beroperasi melalui pemancaran isyarat elektrik melalui jaringan telefon rumit yang membenarkan sebarang pengguna telefon untuk berhubung dengan hampir kesemua yang lain.

Terdapat telefon awam yang mengutip sedikit bayaran, menurut tempoh masa dan jarak yang ditetapkan untuk kegunaan orang awam yang tidak memiliki telefon rumah atau bimbit pada masa tersebut. Bayaran tersebut boleh dilakukan menggunakan duit syiling, kad debit (termasuk kad telefon) atau kad kredit sebelum panggilan dibuat.




Telefon awam kini tidak lagi popular serta penggunaannya juga tidak seperti di era 80 an dan 90 an. Hal ini kerana, semua lapisan masyarakat memilih telefon bimbit yang lebih canggih menurut peredaran zaman. Seni rekaan pondok telefon merah merupakan pemandangan yang biasa di sepanjang jalan United Kingdom dan Malta. Walaupun kotak telefon merah ini kini semakin mengurang, namun kotak telefon merah ini masih dapat dikesan di banyak tempat dan Kampung Tekek, Pulau Tioman di antaranya.

Oleh yang demikian icon pondok telefon yang dibina ini akan menggamit memori masa lalu dan ia akan menjadikan tarikan pelancong dan warga tempatan. Bukan hanya dijadikan tempat bergambar malah boleh dijadikan tempat berlindung daripada hujan juga disediakan QR Code untuk para pengunjung mengimbas segala maklumat tentang Pulau Tioman. Segalanya di hujung jari. Warnanya yang merah telah dipilih untuk memudahkan pengesanan. Bila mana pelancong hilang arah, warna merah ini menjadi titik mula pencarian maklumat berlatarbelakangkan hamparan langit biru dan permaidani rumput hijau. Sesungguhnya kenangan masa lalu itu mengusik jiwa

WELCOME TO TIOMAN

Ikon "Welcome to Pulau Tioman" yang dibina bersebelahan Jeti Penumpang, Kampung Tekek, Pulau Tioman menjadi mercu tanda baru di Pulau Tioman.

Mercu tanda yang berukuran 3.3m tinggi dan 13.75m lebar ini dapat dilihat oleh pelancong dari dalam feri yang menghampiri Kampung Tekek dan ia akan mewujudkan sense of *welcoming* kepada para pelancong.



Di samping mengoptimalkan kawasan lapang sedia ada, ikon ini juga akan meningkatkan imej Kampung Tekek sebagai pusat pembangunan dan perkhidmatan utama di Pulau Tioman.